

Memimpin Pasukan Peronda

Kedua-dua pihak enggan berundur. Abu Jahal dengan sikap degilnya manakala Hamzah pula menjunjung amanah yang diberikan oleh Nabi Muhammad s.a.w. kepadanya.

Bagi meleraikan kedua-dua belah pihak itu, Majdi bin Amru al-Juhani memberikan amaran, “Jika kamu berdua masih mahu berperang, maka teruskanlah peperangan itu. Tetapi kami tidak akan berdiam diri. Kami akan menentang pasukan yang memulakan serangan terlebih dahulu. Sekiranya pasukan Quraisy yang mula menyerang, kami akan menyebelahi pasukan Islam. Dan begitu juga sebaliknya.”

Amaran keras yang diberikan oleh Majdi bin Amru al-Juhani membuatkan Abu Jahal berasa serba-salah. Walaupun anggota pasukannya lebih ramai, dia menyedari kekuatan Majdi bin Amru al-Juhani dan para pengikutnya tidak boleh dipandang sebelah mata. Lagipun dia tidak mahu berhadapan dengan Hamzah yang terkenal dengan kegagahannya itu.

Abu Jahal memutuskan membawa kafilahnya berundur. Melihat pengunduran kafilah Quraisy, Hamzah turut memerintahkan pasukannya supaya pulang ke Madinah. Mereka dapat mengelakkan pertumpahan darah. Namun begitu, orang Islam tetap berwaspada dengan setiap tindakan pasukan Quraisy. Mereka tidak mahu kedaulatan wilayah Madinah diinjak sesuka hati.

Hamzah pulang ke Madinah dan melaporkan berita itu kepada Nabi Muhammad s.a.w.. Dia berkata kepada baginda, “Kalau bukan kerana kehadiran Majdi bin Amru al-Juhani, sudah tentu aku akan menyembelih leher Abu Jahal!”